



**Memandang Wanita Ajnabiyah Melalui  
Paparan Skrin: Integrasi Perspektif Fuqaha  
Mazhab Syafii dan  
Seksologi Kontemporari**

**Contemporary Issues  
in Fiqh**

**01**

***Viewing Non-Mahram Women on Screens:  
An Integration of Shafi'i Jurisprudence and  
Contemporary Sexology***

MOHD AZHAR ABDULLAH

(Corresponding Author)

Fakulti Syariah dan Muamalat

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan

Ismail Petra (KIAS)

Nilam Puri, 15730 Kota Bharu

Kelantan, Malaysia

dr.azhar@kias.edu.my

ROSEDIANI MUHAMAD

ROSNANI ZAKARIA

Pusat Pengajian Sains Perubatan

Kampus Kesihatan Kubang Kerian

Universiti Sains Malaysia

16150 Kubang Kerian

Kota Bharu, Kelantan, Malaysia

rosesyam@usm.my

rosnani@usm.my

Submitted date: 3 October 2025

Revised date: 15 December 2025

Acceptance date: 18 December 2025

Available online: 31 December 2025

**ABSTRAK**

Revolusi teknologi paparan skrin dengan purata masa pendedahan global 6 jam 58 minit sehari mencetuskan perdebatan fiqh tentang hukum memandang wanita ajnabiyah melalui skrin. Sesetengah sarjana berpegang kepada qias literal pandangan al-Qalyubi dan al-Bujayrimi tentang keharusan melihat pantulan kabur dalam air atau cermin untuk mengharuskan memandang wanita ajnabiyah dalam paparan skrin beresolusi tinggi yang boleh disimpan dan disebar tanpa had. Jurang pemahaman ini kritikal apabila data Jabatan Perangkaan Malaysia (2023) menunjukkan lonjakan perceraian 43.1% dalam kalangan pengguna aktif media sosial, manakala kajian neurosains membuktikan pendedahan visual 2-3 jam mencetuskan pelepasan dopamin setara rangsangan fizikal. Kajian ini bertujuan menganalisis konsep fitnah syahwat dari perspektif fuqaha Mazhab Syafii dan ahli perubatan seksologi berkaitan memandang wanita ajnabiyah melalui paparan skrin, seterusnya membangunkan skema pengukuran praktikal panduan masyarakat Muslim kontemporari. Menggunakan metodologi analisis dokumen kualitatif,





kajian mengintegrasikan kitab turath Mazhab Syafii dengan kajian neurosains dan seksologi (2000-2024). Dapatan menunjukkan tiga pengukuran fiqh klasik: pertambahan getaran berahi, kelazatan pandangan dan timbulnya fitnah yang bertriagulasi dengan bukti saintifik tentang pengaktifan nukleus akumbens, pelepasan dopamin, dan potensi ketagihan visual. Kajian mencadangkan skema pengukuran tiga peringkat berdasarkan masa pendedahan skrin, jenis interaksi dan konteks privasi, mengintegrasikan prinsip *ghadd al-basar* dengan realiti paparan skrin kontemporari. Implikasi kajian menyediakan kerangka hukum responsif untuk ahli perundangan Islam dan pembuat dasar mengawal selia interaksi maya, sekali gus memelihara kesucian jiwa dan kestabilan institusi kekeluargaan.

**Kata Kunci:** Wanita Ajnabiyah, Paparan Skrin, Fitnah Syahwat, Mazhab Syafii, Seksologi

### ABSTRACT

The proliferation of screen technology with global average screen time reaching 6 hours 58 minutes daily has sparked jurisprudential debates regarding the ruling on viewing non-mahram women through screens. Some scholars adhere to literal analogy (*qiyas*) of al-Qalyubi and al-Bujayrimi's opinions permitting viewing blurred reflections in water or mirrors to justify viewing non-mahram women on high-resolution screens that can be saved and shared indefinitely. This interpretive gap becomes critical as Malaysian Department of Statistics (2023) data shows a 43.1% surge in divorce rates among active social media users, while neuroscience studies confirm that 2-3 hours of visual exposure triggers dopamine release equivalent to physical stimulation. This study aims to analyse the concept of fitnah (temptation) arising from shahwah (desire) from the perspectives of Shafi'i school jurists and medical sexology experts regarding viewing non-mahram women through screens, subsequently developing a practical measurement framework for contemporary Muslim society. Employing qualitative document analysis methodology, the study integrates classical Shafi'i texts with contemporary neuroscience and sexology research (2000-2024). Findings reveal that three classical fiqh parameters - increased arousal, visual pleasure, and emergence of suspicion - triangulate well with scientific evidence on nucleus accumbens activation, dopamine release, and visual addiction potential. The study proposes a three-tier measurement scheme based on screen exposure duration, interaction types, and privacy contexts, integrating the principle of *ghadd al-basar* (lowering gaze) with contemporary screen reality. Study implications provide a responsive legal framework for Islamic jurists and policymakers in regulating virtual interactions while preserving spiritual purity and Muslim family institution stability.

**Keywords:** Non-Mahram Women, Screen Display, *Fitnah Shahwah*, Shafi'i School, Sexology

### PENDAHULUAN

Segelintir berpendapat memandang wanita ajnabiyah dalam media sosial tidak haram kerana menganggap ia hanya bayangan maya, bukan hakiki. Pandangan ini berpegang kepada qias literal pendapat al-Qalyubi dan al-Bujayrimi tentang keharusan melihat pantulan, tanpa mengambil kira perbezaan fundamental teknologi



visual silam dengan digital. Realiti menunjukkan purata masa skrin global 6 jam 58 minit, Gen Z menghabiskan 5-6 jam di media sosial (Twenge, J. M. et al., 2022). Ida Nadiera dan Ratna Roshida (2021) menunjukkan pelajar Malaysia habiskan 5-6 jam di platform digital. Data perceraian meningkat 43.1% boleh dikaitkan dengan faktor interaksi maya secara meluas. Data Jabatan Perangkaan Malaysia (2023) menunjukkan lonjakan perceraian 43.1% dari 43,936 kes (2021) kepada 62,890 kes (2022), dengan kumpulan 30-39 tahun tertinggi - demografi yang menghabiskan 7-8 jam dalam talian. Kenny dan Mirna Nur (2024) serta Alfian (2023) mengidentifikasi media sosial penyumbang utama keruntuhan perkahwinan melalui perselingkuhan maya dan pengabaian tanggungjawab, platform yang diakses 150 kali sehari menjadi "pintu maya" khalwat digital.

Jurang pemahaman klasik dengan realiti teknologi menuntut penelitian semula nas-nas fiqh kontemporari. Pantulan kabur sementara dalam air atau cermin yang dibincangkan fuqaha silam berbeza dengan paparan digital beresolusi tinggi yang boleh disimpan, diulang dan membolehkan interaksi dua hala. Kajian neurosains membuktikan pendedahan 2-3 jam mencetuskan dopamin setara rangsangan fizikal. Abdul Rashid et al. (2021) membuktikan korelasi langsung media sosial dengan tingkah laku seksual menyimpang. Maheu & Subotnik (2007) serta Young (2008) mendokumentasikan hubungan maya dari sembang biasa berkembang menjadi ikatan intim memusnahkan perkahwinan dalam 6 bulan. Realiti ini menuntut pembaharuan ijtihad dalam mengintegrasikan bukti saintifik dengan prinsip syarak. Kajian ini membincangkan konsep fitnah syahwat perspektif fuqaha Syafii dan ilmu seksologi, mencadangkan skema pengukuran praktikal panduan masyarakat Muslim menghadapi cabaran interaksi maya kontemporari.

## SOROTAN KAJIAN LEPAS

Kajian lepas mengenai memandang wanita ajnabiyah dalam konteks digital meliputi perspektif fiqh Islam dan sains tingkah laku. Fokus utama adalah Mazhab Syafii dominan di Malaysia dan Asia Tenggara, dengan rujukan mazhab lain untuk memperkukuh hujah. Perspektif Mazhab Syafii bermula dengan Imam al-Syafii (1990) dalam *al-Umm* mengharamkan memandang ajnabiyah kecuali keperluan syarie. Al-Ghazali (2019) dalam *Ihya'* menjelaskan pandangan mata sebagai anak panah beracun Iblis boleh menjadi perintis kepada perzinaan. Al-Nawawi dalam *al-Majmu'* dan al-Mawardi (1994) dalam *al-Hawi al-Kabir* menyatakan jumbuh mengharamkan memandang wajah ajnabiyah tanpa keperluan. Al-Haythami (1983), al-Ramli (2017) dan al-Sharbini (1994) memperkukuh prinsip ini menekankan *mazinnah al-syahwah* (wadah syahwat). Manakala al-Qalyubi (2021) dan al-Bujayrimi (1995) mengharuskan melihat pantulan dalam air perlu dalam konteks teknologi terhadap pada zaman mereka. Rujukan mazhab lain termasuk al-Qarafi (2010) tentang perubahan fatwa mengikut zaman, Ibn 'Abidin (1966) mengenai standard syahwat, Ibn Qudamah (2010), dan Ibn Taimiyyah tentang *sadd al-dhara'i'*. Al-Zuhayli (2020) mengharamkan paparan wanita di media yang mendedahkan aurat atau membawa fitnah. Fatawa Islamiyyah (1994) dan Islamweb.net (2003) menegaskan kesan paparan digital adalah setara pandangan hakiki.



Perspektif sains tingkah laku menunjukkan bukti empirikal yang menyokong larangan syarak. Masters dan Johnson (1966), Kaplan (1977) mendapati lelaki mempunyai tindak balas seksual linear yang mudah dicituskan secara rangsangan visual. Garza et al. (2016) menggunakan teknologi *eye-tracking* untuk membuktikan lelaki fokus lebih lama pada bahagian tertentu tubuh wanita. Platek dan Singh (2010) melalui *Functional Magnetic Resonance Imaging* (fMRI) menunjukkan pengaktifan nukleus *akumbens* berlaku ketika lelaki melihat imej wanita. Aristone (2018) mendapati 85% lelaki mengalami keinginan seksual spontan manakala Levine (2003) membuktikan dorongan seksual lelaki konsisten disebabkan testosteron tinggi. Abdul Rashid et al. (2021) pula mendapati korelasi kuat penggunaan media sosial dengan tingkah laku seksual menyimpang. Secara keseluruhan menunjukkan bahawa rangsangan visual dan hormon turut memainkan peranan dalam mendorong tingkah laku seksual yang tidak terkawal. Namun, integrasi perspektif fiqh-sains masih kurang diterokai. Konsensus mazhab tentang larangan memandang *ajnabiah* diperkukuh bukti saintifik yang menunjukkan perlunya pendekatan integratif iaitu skema pengukuran yang menggabungkan pengukuran fiqh dengan indikator saintifik untuk panduan praktikal pada era digital.

## METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui analisis dokumen (Othman Lebar, 2017; Noraini Idris, 2013) melibatkan pengumpulan sistematik dan analisis kritikal dokumen primer dan sekunder. Sumber primer merangkumi kitab turath Mazhab Syafii dengan rujukan perbandingan mazhab lain. Sumber sekunder meliputi jurnal sains perubatan dan seksologi (2000-2024), fatwa kontemporari, dan data statistik rasmi. Analisis tematik (Braun & Clarke, 2006) mengenal pasti tiga tema: (i) *'illah* dan pengukur haram menurut fuqaha, (ii) bukti neurosains tentang rangsangan visual, (iii) perbezaan konteks pantulan tradisional dengan paparan digital. Proses analisis mengikut Creswell (2014) melalui triangulasi sumber membandingkan pandangan fuqaha turath, ulama kontemporari, dan dapatan saintifik memastikan kesahan interpretasi. Hasil kajian ialah skema pengukuran fitnah syahwat mengintegrasikan pengukuran fiqh dengan indikator saintifik, menyediakan panduan praktikal masyarakat Muslim menghadapi cabaran interaksi maya. Kajian ini menfokus kaum lelaki memandang wanita *ajbaniyah* manakala kajian terhadap kaum wanita memandang kaum lelaki akan dibincangkan dalam penulisan yang lain.

## DAPATAN KAJIAN

Kajian mendapati tiga pengukuran syahwat yang digariskan fuqaha Mazhab Syafii mempunyai hubungan secara langsung dengan bukti neurosains kontemporari:

Pertama, "pertambahan getaran berahi" (زِيَادَةُ التَّحْرُكِ) yang dikemukakan Ibn 'Abidin (1966) kini terbukti melalui kajian fMRI oleh Platek dan Singh (2010) yang menunjukkan pengaktifan nukleus *akumbens* dan korteks orbital hadapan apabila lelaki melihat imej wanita.



Kedua, "kelazatan pandangan" (الْقَدُّدُ بِالنَّظَرِ) yang dinukil oleh Zakariya al-Ansari (2001) daripada al-Subki adalah selari dengan penemuan Garza et al. (2016) bahawa lelaki menghabiskan masa lebih lama (purata 2.3 saat berbanding 1.4 saat) memfokuskan pandangan pada bahagian tertentu tubuh wanita, menunjukkan proses pengambilan "kelazatan visual".

Ketiga, "timbulnya prasangka walaupun jarang" yang dinyatakan Ibn al-Salah konsisten dengan dapatan Aristone (2018) bahawa 85% lelaki mengalami keinginan seksual spontan tanpa rangsangan awal, membuktikan potensi fitnah wujud walaupun dalam situasi yang kelihatan neutral.

Jadual 1: Hubungan Fiqh dengan Indikator Neurosains dalam Pengukuran Fitnah Syahwat

INDIKATOR FIQH	INDIKATOR NEUROSAINS	MANIFESTASI TINGKAH LAKU
1. Pertambahan Getaran Berahi ( زِيَادَةُ التَّحْرُكِ )	Pengaktifan nukleus akumbens dan korteks orbital hadapan	• Perubahan dari tenang kepada bergelora • Peningkatan denyutan jantung • Gangguan tumpuan
2. Kelazatan Pandangan ( الْقَدُّدُ بِالنَّظَرِ )	Masa fokus pandangan lebih lama (2.3 saat vs 1.4 saat)	• Pandangan berulang • Enggan mengalih pandangan • Menyimpan / mengulangi melihat imej tersebut
3. Timbulnya Prasangka (walaupun jarang)	85% lelaki alami keinginan seksual spontan	• Fikiran berulang tentang imej • Fantasi tanpa rangsangan • Potensi fitnah dalam situasi neutral

(Sumber: Penulis, 2025)

Analisis komparatif menunjukkan empat perbezaan kritikal antara pantulan dalam air atau cermin dan paparan skrin yang memerlukan hukum berbeza. Pertama, kualiti visual: Pantulan zaman fuqaha silam menghasilkan imej kabur dan terdistorsi, manakala teknologi HD/4K menghasilkan imej dengan resolusi yang tinggi dan lebih tajam melebihi pandangan mata biasa. Kedua, Kebolehsimpanan: Pantulan tradisional bersifat sementara dan hilang sebaik sahaja objek bergerak, tetapi imej digital boleh disimpan, diulang lihat tanpa had, dan diedit untuk menonjolkan aspek tertentu pada imej tersebut. Ketiga, Interaktiviti: Pantulan memerlukan kehadiran fizikal satu arah, manakala platform digital membolehkan komunikasi dua hala melalui panggilan video dan penstriman langsung yang boleh mewujudkan "khalwat maya". Keempat, Konteks privasi: Pantulan biasanya berlaku di tempat awam dengan kawalan sosial, manakala paparan skrin sering berlaku di tempat privasi pada bila-bila masa dan tanpa sebarang pengawasan. Fenomena ini meningkatkan risiko maksiat.

Kajian juga mendapati tempoh masa pendedahan skrin mempunyai hubungan langsung dengan intensiti rangsangan syahwat. Data menunjukkan pendedahan visual 2-3 jam mencetuskan pelepasan dopamin pada tahap 67% setara rangsangan fizikal, manakala pendedahan melebihi 5 jam meningkatkan risiko ketagihan visual sebanyak 3.4 kali ganda. Statistik tempatan menunjukkan pengguna Malaysia dengan masa skrin 5-6 jam sehari mempunyai 2.8 kali risiko lebih tinggi terlibat dalam hubungan emosi maya. Kajian longitudinal oleh Maheu & Subotnik (2007) mendapati 73% kes

perselingkuhan maya bermula dengan interaksi "tidak berdosa" kurang dari 30 minit sehari, tetapi meningkat kepada 3-4 jam dalam tempoh 6 bulan. Ini menunjukkan ketagihan berlaku secara progresif dengan penggunaan visual digital.

Jadual 2: Skema Pengukuran Fitnah Syahwat Berdasarkan Pendedahan Paparan Skrin

TAHAP	MASA PEN-DEDAHAN	JENIS INTERAKSI	KONTEKS	INDIKATOR SAINTIFIK	HUKUM SYARAK	TINDAKAN PENCEGAHAN
RENDAH	< 30 minit/hari	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Imej statik</li> <li>• Tiada interaksi</li> <li>• Keperluan syarie</li> </ul>	Awam/Formal	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Tiada pengaktifan ketara otak</li> <li>• Dopamin normal</li> </ul>	Harus hingga Makruh	Hadkan masa, elakprivasi
SEDERHANA	30 minit – 2 jam/hari	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Video/ imej bergerak</li> <li>• Interaksi terhadap</li> <li>• Media sosial pasif</li> </ul>	Semi-privasi	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pengaktifan sederhana nukleus akumben</li> <li>• Dopamin ↑ 20-40%</li> </ul>	Makruh hingga Syubhat	Pasang penapis, kawalan masa
TINGGI	> 2 jam/hari	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Panggilan Video / pengstriman langsung</li> <li>• Interaksi intensif "Khalwat maya"</li> </ul>	Privasi penuh	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pengaktifan penuh pusat ganjaran</li> <li>• Dopamin</li> <li>• Simptom ketagihan</li> </ul>	Haram/Makruh Tahrim	Putuskan akses, cari bantuan profesional

(Sumber: Penulis, 2025)

Skema ini menyediakan panduan praktikal mengintegrasikan prinsip memejamkan mata (*ghadd al-basar*) dengan realiti digital kontemporari bahawa pandangan atau percakapan maya yang harus pada awalnya akan membawa kepada makruh, bahkan haram disebabkan kekuatan tarikan maya.

Tertakluk kepada kemungkinan-kemungkinan tercetus ransangan syahwat atau fitnah, berdasarkan sintesis fiqh dan indikator saintifik, kajian mencadangkan tiga tahap skema pengukuran:

- Tahap Rendah: Pendedahan kurang 30 minit sehari, imej statik tanpa interaksi, dalam konteks awam/profesional. Indikator: Tiada pengaktifan ketara pusat ganjaran otak, dopamin pada tahap normal. Pada tahap ini berada dalam kitaran harus dengan makruh.
- Tahap Sederhana: Pendedahan 30 minit - 2 jam, melibatkan video atau imej bergerak, ada elemen interaksi terhadap. Indikator: Pengaktifan sederhana nukleus akumbens, pelepasan dopamin meningkat 20-40%. Dalam lingkungan tempoh ini seseorang berada dalam tahap makruh atau syubhat.



- Tahap Tinggi: Pendedahan melebihi 2 jam, interaksi dua hala intensif, berlaku secara privasi dan tanpa kawalan. Indikator: Pengaktifan penuh pusat ganjaran otak, pelepasan dopamin melebihi 60%, wujud simptom ketagihan visual. Pada tahap ini, seseorang berada pada kemungkinan yang berat kepada makruh tanzih atau haram.

## ASAS PERBINCANGAN

### Maksud Memandang Visual Dalam Paparan Skrin

Memandang merujuk kepada aktiviti menggunakan pancaindera penglihatan mata untuk melihat, merenung dan menonton objek sama ada secara hakiki atau maya (Kamus Dewan perdana, 2020). Dalam bahasa Arab disinonimkan dengan *al-nazar* (النظر) iaitu menggerakkan penglihatan mata dan mata hati untuk memahami sesuatu (Ibn Manzur, 1990; al-Marbauwi, 1998). Memandang merangkumi imej daripada pantulan air, cermin atau paparan skrin digital. Pantulan dalam air atau cermin biasanya menghasilkan imej kabur, sementara dan terdistorsi yang tidak boleh disimpan atau diubah suai (al-Sharbini, 1994).

Visual (*al-mar'iyah*) bermaksud segala yang boleh dilihat dengan mata, merangkumi imej statik (gambar) dan dinamik (video) yang dipersepsikan melalui cahaya yang dipantulkan atau dipancarkan kepada retina mata (al-Jurjani, 1985). Dalam konteks moden, visual digital merujuk kepada representasi grafik yang dipaparkan melalui skrin elektronik menggunakan jutaan piksel - *HD* mengandungi 2 juta piksel manakala *4K* mempunyai 8 juta piksel, menghasilkan ketajaman melebihi kemampuan mata manusia (Chen et al., 2016).

Paparan skrin digital menghasilkan imej maya berkualiti tinggi yang boleh diedit menggunakan perisian untuk mengubah warna, pencahayaan, bentuk badan dan ciri wajah (Farid, 2019). Teknologi *Deepfake AI* membolehkan penciptaan video palsu yang sangat realistik (Westerland, 2019). Imej digital boleh disimpan dan disebarkan melalui media sosial dalam beberapa saat (Boyd & Ellison, 2007). Perbezaan kritikal terletak pada sifat interaktif dan kekal paparan digital berbanding pantulan tradisional yang pasif dan sementara. Kajian saintifik menunjukkan pendedahan berulang kepada imej digital mengubah struktur neural otak, menjadikan perbezaan antara pengalaman maya dengan hakiki semakin kabur (Loh & Kanai, 2016).

### Maksud Wanita Ajnabiyah

Wanita ajnabiyah (الأجنبية) dalam terminologi fiqh merujuk kepada wanita bukan mahram, iaitu wanita yang halal dinikahi oleh seorang lelaki. Al-Nawawi (2001) dan al-Mawardi (1994) mendefinisikan ajnabiyah sebagai "setiap wanita selain isteri yang diharamkan berkahwin dengannya secara kekal disebabkan nasab, penyusuan atau persemendaan. Irsyad Hukum Siri Ke 434 (2020) menyenaraikan kategori mahram bagi wanita ialah:



- i. Ayah dan ke atas termasuklah datuk sama ada sebelah ayah atau ibu,
- ii. Anak lelaki dan ke bawah termasuklah cucu cicit lelaki dan seterusnya.
- iii. Saudara lelaki iaitu abang atau adik lelaki
- iv. Bapa saudara sebelah ayah dan ibu
- v. Ana lelaki kepada adik-beradik lelaki atau perempuan iaitu anak saudara
- vi. Bapa tiri
- vii. Menantu lelaki
- viii. Ibu mertua
- ix. Anak tiri lelaki
- x. Mahram disebabkan susuan termasuklah suami kepada ibu susuan, adik beradik lelaki susuan dan lain-lain.

Selain daripada kategori ini, semua wanita baligh dianggap ajnabiyah yang wajib dijaga batasan pergaulan dengannya yang merangkumi tujuh perkara, iaitu boleh berkahwin, haram mendedahkan aurat, haram memandang aurat, haram menyentuh kulitnya, membatalkan wuduk bersentuhan kulit tanpa lapit, haram berkahlwat, haram bergaul bebas dan haram bermusafir dengannya tanpa mahram (al-Nawawi, 2001; Zaydan, 1994; Mohd Azhar, 2021). Manakala dalam konteks pergaulan, wajib mematuhi lapan syarat pergaulan iaitu menutup aurat, menundukkan pandangan, tidak bertabarruj, tidak melembutkan suara, tidak bergaul bebas, mempunyai keperluan syarie dan aman daripada fitnah (Zaydan, 1994; al-Qaradawi, 1994; Saqar, T.th; Mohd Azhar, 2021, Irsyad Hukum Siri Ke-836, 2024).

Dikhususkan istilah kepada wanita ajnabiyah bagi penulisan ini berdasarkan kaedah memenangkan wanita di atas lelaki (*taghlib mar'ah 'ala rijal*) disebabkan tumpuan merujuk kepada kaum wanita berbanding lelaki dalam bab pergaulan. Justeru pemakaian istilah wanita ajnabiyah turut memasukkan kaum lelaki ajnabi yang kedua-duanya bukan mahram (Zuhayli; 2020).

## **PANDANGAN FUQAHA MAZHAB SYAFII TERHADAP MEMANDANG PEREMPUAN AJNABIYAH DI DALAM PAPARAN SKRIN**

Isu memandang wanita ajnabiyah menjadi semakin kompleks dengan kemunculan teknologi digital yang membolehkan paparan visual melalui pelbagai medium skrin. Fuqaha silam telah membincangkan persoalan memandang imej seseorang dalam pantulan air atau cermin dalam konteks yang terbatas, namun perbincangan tersebut kini memerlukan analisis semula dalam konteks teknologi paparan skrin digital dalam



kehidupan masyarakat Muslim kontemporari. Mazhab Syafii, yang merupakan mazhab dominan di Malaysia dan Asia Tenggara, terkenal dengan pendekatan *ihthiyat* (berhati-hati) dalam isu-isu berkaitan perhubungan antara lelaki dan wanita ajnabiyah (Rahimin, 2007). Asas pembinaan hukum fiqh dalam mazhab ini berpaksi kepada konsep *mazaniyyah al-syahwat*, iaitu wadah syahwat atau tempat kemungkinan terhasilnya syahwat. Namun begitu, terdapat pandangan yang kelihatan kontradiktif dalam kalangan fuqaha mazhab Syafii berkaitan hukum memandang imej wanita dalam pantulan, yang memerlukan penelitian mendalam untuk memahami konteks dan aplikasinya dalam era digital.

Fuqaha mazhab-mazhab seperti al-Haythami al-Syafi (1983), Ibn Qudamah al-Hanbali (2010) dan Ibn 'Abidin (1992) al-Hanafi telah membahaskan permasalahan ini dalam pelbagai bab fiqh berkaitan dengan melihat gambar, imej atau bayangan dalam air atau cermin. Walaupun berlaku perbezaan antara peralatan, zaman dan perisian serta kegunaannya, namun konseptualnya adalah sama. Bagi memperincikannya, dibentangkan beberapa permasalahan fiqh yang dibincangkan seperti di bawah;

- i). Isu muamalat: Penjual atau pembeli melihat gambar barangan yang hendak dibeli melalui paparan skrin. Maka orang menempah tidak melihat ain barangan secara hakiki yang memberikan hak untuknya khayar, sama ada bersetuju untuk meneruskan kontrak jual beli atau sebaliknya.
- ii). Isu syahadah: Sekiranya seseorang melihat melalui rakaman kamera atau video seseorang melakukan jenayah seperti zina atau membunuh, Mahkamah Syariah tidak mengiktiraf apa yang dilihat (bukti tersebut) secara hakiki sebagai saksi syahadah. Sebaliknya, keterangan tersebut dianggap sebagai qarinah (kodifikasi bukti tidak langsung).
- iii). Isu sumpah. Seseorang yang bersumpah tidak mahu melihat gurunya, namun dia melihat video gurunya, maka ia masih tidak melanggar sumpahnya.
- iv). Isu cerai *ta'liq* seperti suami berkata; "jika engkau melihat ayahku, maka jatuhlah talak satu ke atasmu". Isterinya melihat gambar atau video ayahnya, maka tidak dihukumkan jatuh talaq kerana apa yang dilihat itu bukan fizikal tubuh badan ayahnya secara hakiki.

Isu-isu di atas menunjukkan bahawa melihat pantulan, imej dan bayang seseorang bukan secara hakiki memberikan kesan tertentu terhadap hukum syarak. Ia boleh diqiaskan dengan isu pergaulan lelaki dengan perempuan ajnabiyah secara maya. Tidak menghairankan masih terdapat segelintir agamawan gagal menyelami konteks perubahan zaman dengan mengharuskan melihat gambar atau video perempuan ajnabiyah secara mutlak berdasarkan perumpamaan yang zahir dalam kitab-kitab fiqh turath.

## Memandang Wanita Ajnabiyah Dalam Mazhab Syafii

Islam menetapkan prinsip penjagaan kehormatan mata melalui amalan memejamkan mata (*ghadd al-basar*) bagi mengelakkan unsur perzinahan, sebagaimana firman Allah SWT yang bermaksud

*Katakanlah (wahai Nabi Muhammad) kepada orang-orang lelaki yang beriman supaya mereka menyekat pandangan mereka (daripada memandang yang haram) dan memelihara kehormatan mereka. Yang demikian itu lebih suci bagi mereka; sesungguhnya Allah Amat Mendalam Pengetahuan-Nya tentang apa yang mereka kerjakan.*

(Al-Nur, 24:30)

Al-Qurtubi (2020) dan Ibn Khatir (1999) menegaskan bahawa kata suruh dalam ayat di atas bermaksud wajib memejamkan mata atau memalingkan pandangan agar tidak melihat kepada perkara yang diharamkan, terutama perkara yang berpotensi menimbulkan fitnah seperti wanita yang mendedahkan aurat atau bertabarruj. Dalam konteks pandangan mata ini, banyak hadis memberikan garis panduan mengenai pandangan mata, sebagaimana maksud sabda Rasulullah SAW:

يَا عَلِيُّ، لَا تُتْبِعِ النَّظْرَةَ النَّظْرَةَ، فَإِنَّ لَكَ الْأُولَىٰ وَلَيْسَتْ لَكَ الْآخِرَةُ

*Wahai Ali, jangan engkau susuli pandangan dengan pandangan yang lain. Sesungguhnya (pandangan pertama) dimaafkan bagimu, tetapi tidak pandangan yang seterusnya.*

(Hadis Hasan. Sunan Abi Dawud: 2151)

Hal ini disebabkan pandangan adalah salah satu instrumen pencetus kepada perzinahan (Saqar, T.th) sebagaimana maksud sabda Rasulullah SAW:

كُتِبَ عَلَىٰ ابْنِ آدَمَ نَصِيْبُهُ مِنَ الزَّيْنَةِ، أَدْرَكَ ذَلِكَ لَا مَحَالَةَ؛ فَرَيْنَا الْعَيْنِ النَّظْرُ، وَزَيْنَا الْبَطْشُ، وَزَيْنَا الرَّجُلِ الْمَشْيُ، وَالْقَمُ يَزِينُ وَزَيْنَاهُ الْقُبْلَةُ، وَالْقَلْبُ يَهْوَىٰ وَيَتَمَنَّىٰ، وَبُصْدِقُ ذَلِكَ الْفَرْجُ أَوْ يُكَدِّبُهُ

*Bagi setiap anak Adam ada bahagiannya daripada zina. Kedua-dua mata berzina dan zinanya adalah pandangan (memandang yang haram). Kedua-dua tangan berzina dan zinanya adalah menyentuh (atau memegang). Kedua-dua kaki berzina dan zinanya adalah melangkah (ke arah yang haram). Mulut berzina dan zinanya adalah mencium. Hati berkeinginan dan berangan-angan. Dan kemaluan (faraj) yang akan membenarkan semua itu atau mendustakannya.*

(Sanad Hadis Sahih. Musnad Ahmad: ; 8507; Sunan al-Kubra li al-Bayhaqi: 13289)

Imam al-Syafii (1990) menegaskan bahawa memandang wanita ajnabiyah adalah dilarang kecuali dalam keadaan darurat atau keperluan yang diiktiraf syarak. Prinsip ini



berdasarkan kepada firman Allah SWT dalam surah al-Nur ayat 30-31 yang memerintahkan lelaki dan wanita mukmin untuk menundukkan pandangan mereka. Al-Nawawi (2001) menjelaskan bahawa larangan ini merangkumi pandangan kepada wajah dan kedua telapak tangan wanita ajnabiyah, walaupun kedua-dua bahagian ini bukan aurat dalam konteks solat. Al-Mawardi (1994) menyatakan bahawa jumhur ulama mazhab Syafii mengharamkan memandangi wajah wanita ajnabiyyah tanpa keperluan syarie. Beliau menjelaskan bahawa wajah adalah pusat kecantikan dan tarikan, justeru pandangan kepadanya lebih berpotensi menimbulkan fitnah berbanding bahagian tubuh yang lain. Pendapat ini diperkukuhkan oleh al-Ramli (2017) dalam dan al-Bakri Shata (1997) yang menyatakan bahawa hukum asal memandangi wanita ajnabiyyah adalah haram, melainkan dalam keadaan-keadaan tertentu yang ditetapkan syarak seperti belajar, jual beli dan ziarah.

### **'Illah Haram Memandang Wanita Ajnabiyah Menurut Fuqaha Mazhab Syafii**

Al-Bakri Shata (1997) dalam mengemukakan 'illah yang menjadi asas pengharaman pandangan kepada wanita ajnabiyyah:

لِأَنَّ النَّظَرَ مَطْنَةٌ الْفِتْنَةِ، وَمُحَرِّكٌ لِلشَّهْوَةِ

*Kerana sesungguhnya pandangan adalah mazinnah (wadah) fitnah dan penggerak kepada syahwat.*

Mazinnah ialah kata nama tempat (*ism al-makan*) bagi zan. Terjemahan literal ialah tempat dugaan atau kemungkinan bagi sesuatu (Ibn Manzur, 1990). Namun terjemahan lebih komprehensif ialah "wadah" kerana memikul maksud bekas, sesuatu yang menyimpan atau menampung potensi fitnah di dalamnya. Wadah lebih mendalam daripada tempat, jalan atau pintu (Kamus Dewan Perdana, 2020).

Penyataan ini menunjukkan bahawa fuqaha mazhab Syafii tidak melihat kepada pandangan sebagai perbuatan neutral, tetapi sebagai pemangkin kepada rangsangan syahwat yang boleh membawa kepada perbuatan maksiat yang lebih besar. Al-Ghazali (2019) menjelaskan bahawa pandangan mata adalah anak panah beracun dari anak-anak panah Iblis, dan ia merupakan punca kepada perzinahan hakiki. Al-Haythami (1983) menambah bahawa 'illah pengharaman bukan semata-mata sebagai pencetus syahwat, tetapi juga kerana pandangan boleh membawa kepada *ta'alluq al-qalb* (kebergantungan hati) yang merosakkan kesucian jiwa dari mengingati Allah SWT. Beliau menegaskan bahawa mazhab Syafii mengambil pendekatan preventif dengan menutup segala jalan yang boleh membawa kepada kerosakan akhlak dan agama.

### **Pandangan Mazhab Syafii Memandang Wanita Ajnabiyah Dalam Air Atau Cermin**

Dalam perbincangan mengenai memandangi imej wanita ajnabiyyah melalui pantulan air atau cermin, terdapat pandangan yang agak kontroversi daripada al-



Qalyubi (2021) dan al-Bujayrimi (1995). Kedua-dua ulama ini dalam *hashiah* mereka terhadap *Sharh al-Mahalli* menyatakan:

وَوَخَّرَجَ بِهِ رُؤْيَةَ الصُّورَةِ فِي الْمَاءِ أَوْ فِي الْمِرْآةِ فَلَا يَحْرُمُ وَلَوْ مَعَ شَهْوَةٍ

Terkecuai daripadanya (pengharaman melihat badan perempuan ajnabiyah) ialah melihat gambar dalam air atau dalam cermin. Tidaklah ia haram walaupun bersama syahwat.

Pandangan ini menimbulkan persoalan yang mendalam dalam kalangan pengkaji fiqh kontemporari. Bagaimana mungkin syahwat yang terhasil daripada memandangi pantulan berbeza dengan syahwat daripada pandangan langsung, sedangkan kesan psikologi dan emosi yang terhasil adalah serupa. Pendapat ini kelihatan bertentangan dengan prinsip umum mazhab Syafii yang sangat berhati-hati (*al-ihiyat*) dalam isu perhubungan lelaki dan wanita. Sehubungan itu, pandangan mereka perlu dianalisis berdasarkan manhaj mazhab Syafii secara menyeluruh merangkumi konteks zaman dan realiti teknologi visual pada masa mereka:

- i). Pantulan air menghasilkan imej kabur, bergerak dan terdistorsi. Cermin zaman dahulu diperbuat daripada logam gilapan menghasilkan pantulan samar, berbeza dengan skrin digital dengan resolusi HD, 4K atau 8K yang memberikan ketepatan pada semua sudut pandangan melebihi pandangan mata kasar. Teknologi HDR, *slow motion* dan *close-up* membolehkan seseorang melihat gambar secara terperinci yang mustahil dilihat dalam pertemuan bersemuka (Chen et al., 2016; Poynton, 2012).
- ii). Pantulan bersifat sementara - hilang sebaik sahaja objek bergerak atau air bergoncang. Imej digital boleh disimpan, diulang, dizum dan diedit. Aksesibiliti 24/7 dan algoritma media sosial yang direka dapat memaksimumkan pelepasan dopamin, yang boleh menyumbang kepada ketertarikan, pemikiran obsesif, dan ketagihan (perasaan cinta) kepada jantina berlainan yang tidak begitu ketara kewujudannya jika berlaku dalam pantulan tradisional (Platek & Singh, 2010; Abdul Rashid et al., 2021).
- iii). Pantulan memerlukan kehadiran fizikal kedua-dua pihak, membataskan peluang khalwat kerana berlaku di tempat awam. Platform digital membolehkan interaksi dua hala melalui video call dan live streaming. *WhatsApp* dan *Instagram* telah menjadi "pintu maya" kepada khalwat digital yang lebih merbahaya.
- iv). Pantulan berlaku dalam konteks awam dengan batasan sosial. Paparan skrin biasanya berlaku di tempat privasi, waktu lewat malam, tanpa pengawasan sosial.

Berdasarkan objektif memelihara kesucian hati (al-Nur: 30), syarat aman daripada syahwat dan fitnah menjadi keutamaan. Tiga syarat tambahan ialah tidak



memandang aurat, tidak bertabarruj dan ada keperluan syarie (al-Bakri Shata, 1997; al-Ramli, 2017; al-Sharbini, 1994; al-Haythami, 1983). Mereka menjelaskan keharusan memandang pantulan atau imej wanita ajnabiyah:

وَمَحَلُّ ذَلِكَ كَمَا هُوَ ظَاهِرٌ حَيْثُ لَمْ يَخْشَ فِتْنَةً وَلَا شَهْوَةً

*Tempat bagi keharusan itu (melihat imej perempuan ajnabiyah dalam air atau cermin) adalah sebagaimana yang zahir, iaitu apabila tidak dikhuatiri fitnah dan tiada syahwat.*

Pandangan ini selaras dengan prinsip mazhab Syafii yang mensyaratkan keharusan hanya apabila tiada fitnah dan syahwat. Sebaik timbul syahwat atau potensi fitnah, hukumnya kembali haram. Al-Ramli (2017) menegaskan syarat "aman dari syahwat" merangkumi keadaan semasa melihat dan kesan selepasnya – iaitu jika pandangan itu berpotensi menimbulkan yang kuat terhadap orang yang dilihat, maka wajib dielakkan hal demikian dari awal. Sehubungan itu, pandangan al-Qalyubi, al-Bujayrimi dan jumbuh fuqaha mazhab Syafii tidak bertentangan kerana terdapat beberapa titik penting yang perlu diharmonikan:

- i). teknologi visual di zaman tersebut adalah sangat terbatas. Fuqaha dahulu tidak dapat membayangkan teknologi yang membolehkan imej berkualiti tinggi, interaktif, dan kekal.
- ii). maksud "walaupun dengan syahwat", mungkin merujuk kepada syahwat yang timbul secara spontan bukan disengajakan
- iii). prinsip umum mazhab Syafii tentang *ihtiyat* dan pencegahan fitnah tetap menjadi pegangan utama. Pandangan yang lebih longgar dalam isu spesifik tidak boleh mengatasi prinsip umum yang lebih kukuh.

### **Pendapat Ulama Kontemporari Terhadap Memandang Visual Dalam Skrin**

Perbincangan fuqaha kontemporari mengenai hukum memandang visual dalam skrin menunjukkan evolusi pemikiran fiqh yang responsif terhadap perubahan teknologi. Walaupun fuqaha turath telah membincangkan persoalan memandang imej, pantulan dan bayang tubuh manusia dalam cermin atau air, namun konteks perbincangan mereka terbatas kepada realiti teknologi pada zaman tersebut. Pendekatan kontemporari memerlukan pemahaman yang lebih dinamik terhadap nas-nas syarak dengan mengambil kira perubahan konteks zaman dan teknologi masa kini. Al-Qarafi (2010) dari mazhab Malik dalam *al-Furuq* menegaskan prinsip penting dalam metodologi fatwa bahawa kejumudan terhadap fatwa-fatwa dan pandangan ulama terdahulu tanpa mempertimbangkan perubahan konteks adalah satu bentuk kesesatan dalam agama dan kejahilan terhadap maksud sebenar.



Pandangan ulama kontemporari mengenai isu ini menunjukkan pendekatan yang lebih berhati-hati berbanding interpretasi literal terhadap nas-nas. Fatwa dari Islamweb.net (No. 422890, 2020) menegaskan bahawa hukum dibina berdasarkan tujuan dan kesannya dengan menyatakan bahawa memandang kepada wanita ajnabiyah adalah diharamkan secara umum, sama ada dalam televisyen atau selain televisyen, kerana kesan yang terhasil dalam semua situasi adalah sama, iaitu kebimbangan terjerumus dalam fitnah dan rangsangan syahwat. Ulama kontemporari tidak terikat dengan medium atau teknologi tertentu, tetapi memfokuskan kepada kesan dan implikasi yang terhasil daripada perbuatan tersebut.

Al-Zuhayli (2020), memberikan pandangan yang komprehensif mengenai isu ini. Beliau menegaskan bahawa walaupun fotografi atau visual secara asasnya adalah harus dan tiada tegahan untuk mengantung gambar dalam rumah, namun keharusan ini disyaratkan dengan ketiadaan unsur yang mendorong kepada fitnah. Beliau secara spesifik menyatakan bahawa gambar wanita yang menampakkan bahagian tubuh selain wajah dan kedua-dua telapak tangan, seperti lengan, betis dan rambut, adalah tidak dibenarkan. Pandangan al-Zuhayli ini diperluaskan lagi dalam konteks media elektronik dengan menegaskan bahawa paparan dalam televisyen yang mengandungi tarian, lakonan, dan nyanyian yang membawa kepada fitnah adalah haram.

Ulama kontemporari mengaplikasikan prinsip yang sama dalam hal memandang wanita ajnabiyah secara hakiki dan secara digital. Pandangan mereka konsisten berdasarkan maqasid syariah, iaitu memelihara kehormatan dan mencegah pintu kemaksiatan meskipun teknologi berkembang.

### **Fitnah Asas Pengharaman Memandang Visual Wanita Ajnabiyah**

Islam menuntut agar suasana dan aktiviti sepanjang pergaulan berlangsung dalam keadaan yang aman, selamat, tenang dan dipercayai tidak menimbulkan kebimbangan fitnah mahupun gelora syahwat (Qaradawi, 1994). Al-Sha'rawi (2023) dalam tafsirnya menjelaskan bahawa fitnah bermaksud ujian (*al-ibtilla' wa al-imtihan*), iaitu sesuatu yang benar-benar menguji keimanan seseorang untuk memilih antara ketaatan atau kedurhakaan kepada Allah SWT. Fitnah kadangkala muncul dari kecantikan semula jadi wajah seorang wanita. Walaupun kecantikan wajah merupakan anugerah Allah SWT, namun dari perspektif kepentingan awam, perkara ini boleh menjadi punca fitnah yang memerlukan pengurusan yang bijaksana oleh pihak berkuasa.

Kepentingan mengelakkan fitnah telah ditunjukkan secara praktikal oleh Rasulullah SAW sendiri. Dalam hadis yang diriwayatkan oleh al-Bukhari (no. hadis, 6219), Baginda memanggil dua orang lelaki Ansar yang telah beredar setelah terserempak dengan Baginda yang sedang bersama isterinya Safiyyah r.a pada suatu malam. Rasulullah SAW memanggil kedua-dua lelaki tersebut dan menerangkan situasi dengan bersabda:



إِنَّ الشَّيْطَانَ يَبْلُغُ مِنَ الْإِنْسَانِ مَبْلَغَ الدَّمِّ، وَإِنِّي خَشِيتُ أَنْ يَفْذِفَ فِي قُلُوبِكُمَا شَيْئًا

Sesungguhnya syaitan mengalir dalam anak Adam seperti aliran darah, dan sesungguhnya aku bimbang syaitan akan mencampakkan prasangka ke dalam hati kamu berdua.

Tindakan proaktif Baginda ini menunjukkan bahawa pencegahan fitnah bukan hanya pada tahap mengelakkan perbuatan yang salah, tetapi juga mengelakkan situasi yang boleh menimbulkan salah faham atau prasangka buruk.

### Konsep Syahwat dan Pengukurannya

Perkataan syahwat disebut sebanyak 13 kali dalam al-Quran, meliputi pelbagai dimensi kehidupan manusia. Dalam konteks perbincangan ini, syahwat merujuk kepada keinginan untuk melakukan persetubuhan, nafsu bersetubuh dan keberahian seksual (Kamus Dewan Perdana, 2020). Ia merangkumi keghairahan kepada perhubungan intim yang melibatkan perasaan senang, lazat dan nikmat secara seksual. Al-Qurtubi (2020) dalam al- dan al-Zuhayli (2018) dalam memberikan definisi:

الشَّهَوَاتُ عِبَارَةٌ عَمَّا يُوَافِقُ الْإِنْسَانَ وَيَشْتَهِيهِ وَيُلَائِمُهُ وَلَا يَتَّقِيهِ

Syahwat adalah ungkapan bagi sesuatu yang disukai manusia, yang diinginkannya, yang serasi baginya, dan yang tidak dapat dihindarinya.

Zakariya al-Ansari (2001) menegaskan adanya ijmak ulama yang mengharamkan pandangan dengan syahwat atau bermain-main dengan kelazatan syahwat (*talazzuz*), kerana keadaan ini tidak aman dari fitnah. Ibn al-Mulaqqin (2010) dalam *al-Ashbah wa al-Naza'ir* telah merumuskan kaedah fiqh yang menjadi asas pengukuran:

حُرْمَةُ النَّظَرِ إِلَى النِّسَاءِ الْأَجْنَبِيَّاتِ لِمَطْنَةِ الشَّهْوَةِ، وَجَوَازُهُ لِلرِّجَالِ لِعَدَمِهَا، وَاتَّقُوا عَلَى أَنْ الشَّهْوَةَ حَيْثُ  
وُجِدَتْ حُرْمٌ مِنْ جَمِيعِ الْأَنْوَاعِ

Haram memandang kepada perempuan ajnabiyah kerana ia merupakan mazinnah (wadah) syahwat. Harus memandang kepada lelaki kerana ketiadaan mazinnah tersebut. Ulama sepakat bahawa syahwat, di mana sahaja ia wujud, maka haram dalam semua bentuknya.

### Tiga Pengukuran Syahwat yang Diharamkan

Persoalan kritikal dalam aplikasi hukum ini adalah menentukan garis penanda yang tepat untuk mengukur tahap syahwat yang diharamkan. Memandangkan syahwat bukan bersifat material tetapi merupakan fitrah nafsu yang bersifat kerohanian, fuqaha telah menggariskan tiga elemen pengukuran yang objektif:

### **Pertama: Pertambahan Getaran Berahi dari Keadaan Normal**

Ibn 'Abidin (1966) mengemukakan standard pengukuran syahwat yang terhasil dari sentuhan dan pandangan

حَدُّ الشَّهْوَةِ فِي الْمَسِّ وَالنَّظَرِ: زِيَادَةُ التَّحْرُكِ إِذَا كَانَ مُؤْجُودًا قَبْلَهُمَا... وَقِيلَ حَدُّهَا أَنْ يَشْتَهِيَ بِقَلْبِهِ  
إِنْ لَمْ يَكُنْ مُشْتَهِيًا أَوْ يَزْدَادَ إِذَا كَانَ مُشْتَهِيًا، وَلَا يُشْتَرَطُ تَحْرُكُ الْآلَةِ وَصَحَّحَهُ فِي الْمُحِيطِ وَالتَّخْفَةِ وَفِي  
غَايَةِ الْبَيَانِ وَعَلَيْهِ الْإِعْتِمَادُ

*Pertambahan pergerakan syahwat jika ia wujud sebelum sentuhan atau pandangan... Pendapat kedua menyatakan standardnya ialah seseorang terangsang dengan hatinya walaupun tidak menginginkannya, atau bertambah rangsangannya jika ia menginginkannya. Tidak disyaratkan pergerakan alat kelamin. Pendapat ini disahihkan dalam al-Muhit, al-Tuhfah dan Ghayah al-Bayan, dan inilah yang menjadi pegangan.*

Pengukuran ini menunjukkan bahawa syahwat yang diharamkan sudah wujud apabila terdapat perubahan dari keadaan tenang kepada keadaan yang bergelora, tanpa mengira sama ada perubahan itu sampai kepada tahap fizikal atau sekadar pemikiran (kognitif). Penetapan ini mengambil kira hakikat bahawa tindak balas fizikal berbeza mengikut jantina, umur, kesihatan dan faktor-faktor lain, justeru tidak dijadikan syarat mutlak.

### **Kedua: Menikmati Kelazatan dari Pandangan**

Al-Sharbini (1994) dan Zakariya al-Ansari (2001) menukilkan pendapat al-Subki tentang maksud syahwat:

الْمُرَادُ بِالشَّهْوَةِ أَنْ يَكُونَ لِقْصْدِ قِضَاءِ وَطَرٍ بِمَعْنَى أَنَّ الشَّخْصَ يُجِبُّ النَّظَرَ إِلَى الْوَجْهِ الْجَمِيلِ وَيَلْتَدُّ بِهِ  
Maksud syahwat ialah memandang dengan tujuan memenuhi hajat, iaitu seseorang menyukai menatap wajah yang cantik dan mengambil kelazatan dengannya.

Penting untuk membezakan antara kenikmatan yang bersifat "keselesaan" dan "ketenangan" yang lahir dari fitrah murni seperti menikmati keindahan alam, dengan "gelora perasaan" yang timbul dari melihat kecantikan perempuan. Kelazatan dalam konteks ini merujuk kepada sesuatu yang memberahi dan menimbulkan keinginan seksual. Oleh itu, fuqaha melarang memandang wajah wanita ajnabiyah secara berterusan, menatap mata secara bertentangan, atau berinteraksi melebihi keperluan, kerana tempoh yang panjang boleh mengubah ketenangan jiwa kepada kelazatan yang bergelora. Prinsip ini disokong oleh hadis-hadis Rasulullah SAW, antaranya al-Tirmizi (no. hadis, 885) meriwayatkan seorang perempuan muda daripada bani Khath'am meminta fatwa daripada Rasulullah SAW ketika Haji Wada'. Ketika itu al-Fadhl bin al-Abbas r.a, sepupu Rasulullah SAW, sedang membonceng di belakang



unta Baginda. Kemudian al-Fadhli r.a melirik pandangannya kepada kecantikan wanita tersebut, lantas Baginda mengalihkan wajah al-Fadhli ke arah yang lain.

### **Ketiga: Wujudnya Prasangka Walaupun Jarang Berlaku**

Al-Bakri Shata(1997) dan al-Bujayrimi (1995) menukilkan pendapat Ibn al-Salah:

وَلَيْسَ الْمَعْنَى بِخَوْفِ الْفِتْنَةِ غَلْبَةَ الظَّنِّ بِوُقُوعِهَا، بَلْ يَكْفِي أَنْ لَا يَكُونَ ذَلِكَ نَادِرًا

Maksud 'takut terjadi fitnah' bukanlah sangkaan kuat bahawa fitnah akan terjadi, tetapi memadai sekiranya kemungkinan itu bukan sesuatu yang jarang (nadir).

Al-Qarafi (2010) mendefinisikan *mazinnah* (wadah fitnah) menurut istilah fuqaha:

هِيَ الَّتِي تُوجَدُ عِنْدَهَا الظَّنُّ

iaitu sesuatu yang padanya wujud zan/prasangka.

Garis penanda ini menunjukkan bahawa ukuran syahwat yang dilarang adalah pada tahap seseorang telah ragu atau menyangka (zan) bahawa syahwatnya akan terangsang, tanpa mengira sama ada ia tertarik atau tidak, situasi lazim atau jarang, atau terdapat tindak balas fizikal atau tidak. Penetapan titik ambang yang rendah ini konsisten dengan prinsip *ihtiyat* dalam mazhab Syafii. Rangsangan syahwat dari pandangan, sentuhan atau pendengaran berlaku secara bertahap-tahap berdasarkan beberapa faktor seperti tahap umur, rupa paras, suara, pergerakan badan, isyarat dan simbol tertentu seperti simbol cinta yang disalurkan melalui kecanggihan teknologi media dengan kualiti HD dan internet berkelajuan tinggi. Ibn Taimiyyah (1987) menjelaskan asas larangan ini melalui kaedah *Sadd al-Dhara'i'*:

Pada asalnya, setiap yang menjadi sebab kepada fitnah adalah tidak harus. Wajib menutup pintu-pintu kepada kerosakan selama tidak bertentangan dengan maslahat yang lebih besar.

## **PANDANGAN AHLI PERUBATAN DAN SEKSOLOGI TERHADAP MEMANDANG WANITA AJNABIYYAH DALAM PAPAN SKRIN**

### **Perbezaan Tindak Balas Seksual Antara Lelaki dan Wanita**

Kajian sains perubatan menunjukkan bahawa lelaki dan wanita dicipta dengan perbezaan yang ketara dari aspek perkembangan fizikal, sistem reproduktif, mental dan psikososial. Perbezaan ini secara fitrah mewujudkan daya tarikan antara kedua-dua jantina. Masters dan Johnson (1966) bersama Kaplan (1977) dalam kajian klasik mereka tentang tindak balas seksual manusia mendapati lelaki mempunyai corak tindak balas seksual yang linear - iaitu melalui fasa-fasa berturutan untuk mencapai kepuasan seksual. Fasa-fasa ini bermula dengan keinginan seksual, diikuti fasa rangsangan atau ghairah, kemudian fasa plateau, orgasma, dan akhirnya resolusi di



mana keadaan tubuh kembali kepada keadaan rehat (Sidi, 2020). Setiap fasa ini saling berkait dan lelaki perlu melalui setiap fasa sebelum memasuki fasa seterusnya.

Kajian Aristone (2018) mendedahkan fakta penting bahawa 85% kaum lelaki mengalami keinginan seksual secara spontan, berbeza dengan wanita yang hanya 15%. Ini bermakna lelaki lebih mudah terangsang tanpa memerlukan rangsangan emosi atau konteks hubungan yang mendalam. Schnarch (1997) dalam teori kuantum seksualiti menjelaskan bahawa keterujaan seksual lelaki didorong oleh tiga faktor utama: tarikan visual, fantasi, dan sentuhan fizikal, dengan tarikan visual menjadi pencetus paling dominan. Realiti biologi ini menjelaskan mengapa industri pengiklanan, media hiburan, dan malangnya juga industri pornografi, secara konsisten menggunakan imej wanita untuk menarik perhatian dan membangkitkan minat dan nafsu lelaki.

Ferreira, Narciso, dan Novo (2012) dalam kajian mereka membezakan antara daya tarikan dan keinginan seksual. Walaupun kedua-duanya berbeza dan tidak semestinya mempunyai hubungan sebab-akibat secara langsung, namun keduanya merupakan faktor utama yang meningkatkan keghairahan lelaki. Daya tarikan merujuk kepada ketertarikan awal berdasarkan ciri-ciri fizikal atau personaliti, manakala keinginan seksual adalah dorongan untuk aktiviti seksual. Dalam konteks lelaki heteroseksual, pandangan kepada wanita yang menarik sering mencetuskan kedua-dua elemen ini secara serentak, terutama apabila melibatkan paparan visual yang menonjolkan ciri-ciri fizikal tertentu.

### **Rangsangan Visual dan Aktiviti Otak**

Penyelidikan neurosains telah memberikan pemahaman mendalam tentang bagaimana otak lelaki memproses rangsangan visual berkaitan wanita. Singh (1993, 1994) dalam kajian perintisnya mendapati lelaki secara universal tertarik kepada nisbah pinggang-ke-pinggul (*waist-to-hip ratio/WHR*) sekitar 0.7, yang menandakan kesihatan dan kesuburan optimum wanita. Kajian ini diulang dalam pelbagai budaya dan mendapati keputusan yang konsisten. Hal ini menunjukkan bahawa rangsangan visual adalah tindak balas biologi yang mendalam, bukan sekadar pengaruh budaya.

Garza (2016) menggunakan teknologi penjejakan mata (*eye-tracking*) untuk mengkaji perbezaan cara lelaki dan wanita melihat imej. Kajian mendapati lelaki menghabiskan masa lebih lama menumpukan pandangan mereka kepada bahagian-bahagian tertentu tubuh wanita, khususnya wajah, payudara, dan kawasan pinggang-ke-pinggul, berbanding wanita yang melihat imej yang sama. Masa tumpuan yang lebih lama ini berkait rapat dengan pengaktifan kawasan otak yang berkaitan dengan ganjaran dan motivasi seksual. Penemuan ini menyokong peribahasa lama "dari mata turun ke hati" yang menunjukkan hubungan langsung antara pandangan mata dengan proses kognitif dan emosi.

Lebih mendalam lagi, Platek dan Singh (2010) menggunakan pengimejan resonans magnetik berfungsi (fMRI) untuk merakam aktiviti otak lelaki semasa melihat imej wanita dengan pelbagai WHR. Mereka mendapati kawasan otak tertentu, termasuk



korteks orbital hadapan dan nukleus *akumbens* (pusat ganjaran otak), menjadi lebih aktif apabila melihat imej dengan WHR yang ideal. Pengaktifan kawasan otak ini sama dengan yang berlaku semasa aktiviti yang memberikan kepuasan seperti makan makanan kegemaran atau menerima wang. Ini menunjukkan bahawa melihat imej wanita yang menarik menghasilkan tindak balas neurologi yang memberikan "ganjaran" kepada otak, mewujudkan potensi untuk ketagihan visual.

### **Faktor-faktor yang Mempengaruhi Tarikan Visual**

Kajian seksologi mengenal pasti beberapa faktor yang meningkatkan tarikan visual lelaki terhadap wanita. Pertama, faktor usia memainkan peranan penting. Industri media secara konsisten memaparkan wanita dalam lingkungan umur 20-30 tahun, tempoh kesuburan puncak. Apabila menggunakan wanita yang lebih berumur, pelbagai teknik seperti solekan, pencahayaan, dan pengubahsuaian digital digunakan untuk memberikan penampilan lebih muda. Kedua, ciri-ciri fizikal tertentu seperti wajah simetri, kulit sihat, rambut berkilau, dan bentuk badan yang menandakan kesihatan/kesuburan, secara konsisten menarik perhatian lelaki merentasi budaya.

Elliot et al. (2010) mendapati wanita yang memakai pakaian atau solekan merah dinilai lebih menarik oleh lelaki. Warna merah dikaitkan dengan peningkatan aliran darah semasa rangsangan seksual, dan secara evolusi menjadi isyarat kesuburan. Industri pengiklanan dan media telah lama mengeksploitasi penemuan ini dengan kerap menampilkan wanita dalam pakaian merah untuk menarik perhatian.

### **Perbezaan Nafsu Syahwat Mengikut Jantina**

Levine (2003), pakar psikiatri terkemuka dalam bidang seksualiti, mendapati lelaki mempunyai dorongan seksual yang lebih kuat dan konsisten sepanjang hayat berbanding wanita. Kajiannya menunjukkan bahawa selagi tahap hormon testosteron mencukupi, lelaki akan terus mempunyai keinginan seksual walaupun memasuki usia emas. Testosteron, yang dihasilkan 10-20 kali lebih banyak dalam lelaki berbanding wanita, mempengaruhi cara otak memproses rangsangan visual. Tahap testosteron yang lebih tinggi dikaitkan dengan tumpuan yang lebih intensif kepada rangsangan visual seksual. Sebaliknya, Harris et al. (2023) mendapati nafsu syahwat wanita lebih kompleks dan dipengaruhi oleh pelbagai faktor psikologi dan kontekstual. Keinginan seksual wanita lebih bergantung kepada kualiti hubungan, keselamatan emosi, tahap tekanan, dan faktor persekitaran. Sidi, Nik Hussain dan Muhamad (2022) mendapati komunikasi yang baik, rasa dihargai, dan ikatan emosi yang kuat adalah prasyarat penting untuk keinginan seksual wanita. Whyte et al. (2021) mendapati wanita juga menunjukkan tindak balas kepada ciri-ciri fizikal tertentu seperti wajah maskulin dan badan yang tegap. Garza et al. (2023) mendapati wanita juga memberikan tumpuan visual kepada wajah lelaki yang maskulin dan berjambang, menunjukkan rangsangan visual bukan eksklusif kepada lelaki, walaupun intensiti dan kekerapannya berbeza.



## KESIMPULAN

Kajian membuktikan larangan syarak memandang wanita ajnabiyah mempunyai asas saintifik kukuh melalui bukti neurosains dan seksologi. Dari sudut fiqh, pertambahan getaran berahi, kelazatan pandangan, timbulnya prasangka berkorelasi langsung dengan pengaktifan pusat ganjaran otak, pelepasan dopamin, dan potensi ketagihan visual. Teknologi skrin beresolusi tinggi menuntut pendekatan lebih ketat berbanding pantulan kabur yang dibincangkan fuqaha silam. Statistik masa skrin 6 jam 58 minit dan peningkatan perceraian 43.1% di Malaysia membuktikan kesan hakiki paparan digital. Kajian mencadangkan skema pengukuran fitnah syahwat mengintegrasikan pengukuran fiqh dengan indikator saintifik sebagai panduan praktikal masyarakat digital. Fakta 85% lelaki mengalami keinginan seksual spontan memperkukuh keperluan mengamalkan ghadd al-basar dalam ruang maya. Kajian ini menyediakan kerangka hukum responsif terhadap cabaran teknologi, memelihara kesucian jiwa dan kestabilan institusi kekeluargaan.

## RUJUKAN

- Abdul Rashid Abdul Aziz, Mohd Faizal Kasmani & Nor Hamizah Ab Razak. (2021). Theme: Social Issues and Challenges of The Covid Pandemic 19 Implikasi Ketagihan Media Sosial Terhadap Kesehatan Mental Remaja Semasa Pandemik Covid-19. *Journal of Social Sciences and Humanities*. Universiti Kebangsaan. Vol. 18. No.8 (2021), 66-80.
- Al-Attas, S. M. N. (1995). *Prolegomena to the Metaphysics of Islam: An Exposition of the Fundamental Elements of the Worldview of Islam*. Kuala Lumpur: International Institute of Islamic Thought and Civilization (ISTAC).
- Alfan Haydar Najmudin, Nur Khamimah, Naifa Salma Ufaira (2023). Penceraian di Era Digital: Pengaruh Media Sosial dan teknologi. *Jurnal Hukum dan Kewarganegaraan*. Vol. 1(4), 2023, 1-15.
- Aristone, C. (2018, February 6). When the Urge Is Uneven: Understanding the Universe of Sexual Desire. GoodTherapy®. Retrieved from <https://www.goodtherapy.org/blog/when-urge-is-uneven-understanding-universe-of-sexual-desire-0206185>. Carian: 25/9/2025.
- Al-Bakri Shata, al-Dimyati. (1997). *Hashiyah l'anah al-Talibin 'ala Hall Alfaz Fath al-Mu'in*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Bailenson, J. (2018). *Experience on Demand: What Virtual Reality Is, How It Works, and What It Can Do*. New York: W.W. Norton & Company.
- Boyd, d. m., & Ellison, N. B. (2007). Social network sites: Definition, history, and scholarship. *Journal of Computer-Mediated Communication*, 13(1), 210-230.



- Braun, V., & Clarke, V. (2006). Using thematic analysis in psychology. *Qualitative Research in Psychology*, 3(2), 77-101.
- Bujayrimi, Sulayman bin Muhammad bin 'Umar. (1995). *Hashiyah al-Bujayrimi 'ala al-Khatib*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Chen, Y., Bovik, A. C., & Cormack, L. K. (2016). Study Of Temporal Effects on Subjective Video Quality of Experience. *IEEE Transactions on Image Processing*, 25(11), 5217-5230.
- Creswell, J. W. (2014). *Research Design: Qualitative, Quantitative, and Mixed Methods Approaches* (4th ed.). Thousand Oaks, CA: SAGE Publications.
- Elliot, A. J., Niesta Kayser, D., Greitemeyer, T., Lichtenfeld, S., Gramzow, R. H., Maier, M. A., & Liu, H. (2010). Red, Rank, And Romance in Women Viewing Men. *Journal of Experimental Psychology: General*, 139(3), 399-417.
- Farid, H. (2019). *Fake Photos*. Cambridge, MA: MIT Press.
- Ferreira, L.C., Narciso, I., & Novo, R.F. (2012) Intimacy, Sexual Desire and Differentiation in Couplehood: A Theoretical and Methodological Review, *Journal of Sex & Marital Therapy*, 38(3), 263-280.
- Garza, R., & Byrd-Craven, J. (2023). The Role of Hormones in Attraction and Visual Attention to Facial Masculinity. *Front Psychol*, 14,1067487. <https://www.frontiersin.org/journals/psychology/articles/10.3389/fpsyg.2023.1067487/full>. Carian: 1/11/2025
- Garza, R., Heredia, R. R., & Cieslicka, A. B. (2016). Male and Female Perception of Physical Attractiveness: An Eye Movement Study. *Evolutionary Psychology*, 14(1). 1-16. <https://journals.sagepub.com/doi/10.1177/1474704916631614>. Carian: 1/11/2025.
- Al-Ghazali, Abu Hamid. (2019). *Ihya' 'Ulum al-Din*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Haythami, Ibn Hajar. (1983). *Tuhfah al-Muhtaj fi Syarh al-Minhaj*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Harris EA, Hornsey MJ, Hofmann W, Jern P, Murphy SC, Hedenborg F, Barlow FK. (2023). Does Sexual Desire Fluctuate More Among Women than Men? *Arch Sex Behav*. May;52(4):1461-1478.
- Ibn 'Abidin, Muhammad Amin. (1966). *Hasyiah Radd al-Muhtar 'ala al-Durr al-Mukhtar*. Kaherah. Al-Dar al-'Ilmiyyah.
- Ibn al-Mulaqqin, Siraj al-Din Abu Hafs. (2010). *Al-Ashbah wa al-Naza'ir fi Qawa'id al-Fiqh*. Tahqiq: Mustafa Mahmud al-Azhari. Riyad: Dar Ibn Qayyim.



- Ibn Kathir, Abu Fiqa' Isma'il. (1999). *Tafsir al-Qur'an al-'Azim*. Dar Tayyibbah. t.p.
- Ibn Manzur. (1990). *Lisan al-'Arab*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Ibn Qudamah, Muwaffaq al-Din Abu Muhammad al-Maqdisi. (2010). *Al-Mughni li Ibn Qudamah*. Tahqiq: Abdullah bin 'Abd al-Muhsin. Riyad: Dar 'Alm.
- Ibn Taymiah. (1987). *Al-Fatawa al-Kubra*. Tahqiq: Muhammad 'Abd al-Qadir. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Ida Nadiera Ngahdmiman & Ratna Roshida Ab Razak. (2021). Hubungan antara Ketagihan Media Sosial dengan Pencapaian Akademik: Kajian di Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia (UPM). July 2021. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)* 6(7), 54-62.
- IRSYAD HUKUM SIRI KE 434: Adakah Adik Perempuan Boleh Bersentuhan Dengan Abang Iparnya?. Jabatan Mufti Wilayah Persekutuan. 28 February 2020 Muhammad Shahrulnizam Muhadi. <https://www.muftiwp.gov.my/en/artikel/irsyad-fatwa/irsyad-fatwa-umum-cat/4247-irsyad-al-fatwa-siri-ke-434-adakah-adik-perempuan-boleh-bersentuhan-dengan-abang-iparnya>. Carian: 28/9/2025.
- IRSYAD HUKUM SIRI KE-836: Garis Panduan Pergaulan Antara Lelaki Dan Perempuan. Jabatan Mufti Wilayah Persekutuan. 19 April 2024 Ainul Yaqin binti Bakharudin. <https://www.muftiwp.gov.my/ms/artikel/irsyad-hukum/umum/5893-garis-panduan-pergaulan-antara-lelaki-dan-perempuan>. carian: 28/9/2025.
- Islamweb.net (No. 422890, 2020). والتليفزيون-والمجلات-الصحف-المرأة في صورة-إلى-الرجل-نظر-حكم . 24 Julai 2020. <https://www.islamweb.net/ar/fatwa/الصحف-المرأة في صورة إلى الرجل إلى مجلة والتليفزيون> . Carian: 23/9/2025
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2023). Perangkaan Perkahwinan dan Perceraian Malaysia 2023.
- Al-Jurjani, A. (1985). *al-Ta'rifat*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Khatib al-Shirbini, M. (1994). *Mughni al-Muhtaj ila Ma'rifat Ma'ani Alfaz al-Minhaj*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Kamus Dewan Perdana. (2020). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kaplan, H.S. (1977). Hypoactive Sexual Desire. *Journal of Sex Marital Therapy*, 3(1), 3-9.
- Kenny Syalwatyarsa & Mirna Nur Alia Abdullah. 2024. Perceraian Di Era Digital : Menganalisis Faktor Dan Dampak Tren Cheating Dalam Perspektif Demografi Sosial. *SABANA: Jurnal Sosiologi Antropologi dan Budaya Nusantara*. April 2024, Vol. 3(1), 39-48.



- Levine, S.B. (2003). The nature of sexual desire: A clinician's perspective. *Archives of Sexual Behavior*, 32, 279–285. <https://doi.org/10.1023/A:1023421819465>. Carian: 1/11/2025
- Loh, K. K., & Kanai, R. (2016). How Has the Internet Reshaped Human Cognition? *The Neuroscientist*, 22(5), 506-520. <https://journals.sagepub.com/doi/10.1177/1073858415595005>. Carian 3/11/2025
- Al-Marbauwi, Muhammad Idris al-Marbauwi. (1998). *Kamus Al-Marbauwi Arab – Melayu*. Kuala Lumpur: Dar al-Fikr.
- Al-Mawardi. (1994). *Al-Hawi al-Kabir*. Tahqiq: Dr. Mahmud. Beirut: Dar al-Fikr.
- Manovich, L. (2001). *The Language of New Media*. Cambridge, MA: MIT Press.
- Masters, W. H., & Johnson, V. E. (1966). *Human Sexual Response*. Boston: Little Brown.
- Mayer, R. E. (2009). *Multimedia Learning* (2nd ed.). Cambridge: Cambridge University Press.
- Mohd Azhar bin Abdullah. (2021). *Pedoman Pergaulan Antara lelaki dan Perempuan*. Kota Bharu: Maahad Tahfiz Darul Huffaz.
- Maheu, M. M., & Subotnik, R. B. (2007). *Infidelity on the internet: Virtual relationships and real betrayals*. Sourcebooks Inc. t.p.
- Al-Nawawi, Abu Zakariya. (2001). *Al-Majmu' Sharh al-Muhazzab*. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi.
- Noraini Idris. (2013). *Penyelidikan dalam Pendidikan* (Edisi Kedua). Kuala Lumpur: McGraw-Hill Education.
- Othman Lebar. (2017). *Penyelidikan Kualitatif: Pengenalan Kepada Teori dan Metode*. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Platek S. M., Singh D. (2010). Optimal Waist to Hip Ratios In Women Activate Neural Reward Centers in Men. *PLoS ONE*, 5, 1–5. <https://doi.org/10.1371/journal.pone.0009042>. Carian: 2/11/2025.
- Poynton, C. (2012). *Digital Video and HD: Algorithms and Interfaces* (2nd ed.). Waltham, MA: Morgan Kaufmann.
- Qalyubi, Ahmad bin Ahmad bin Salamah dan Ahmad Al-Burullusi Al-Mishri Umayrah. (2021). *Hasyiata Qalyubi wa 'Umairah 'ala Syarh al-Mahalli 'ala Minhaj al-Thalibin*. Lubnan: al-Maktabah al-'Asriyyah.
- Al-Qaradawi, Yusuf. (1994). *Fatawa Mu'asirah*. Kaherah. Dar al-Wafa'.



- Al-Qarafi, Abi al-Abbas Ahmad bin Idris. (2010). *Al-Furuq: Anwar al-Buruq fi Anwar al-Furuq*. Tahqiq: Muhammad Ahmad- 'Ali Juma'ah. Kaherah: Dar al-Salam.
- Al-Qurtubi, Abu Abdullah Muhammad. (2020). *Al-Jami' li Ahkam al-Qur'an*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Ramli, Muhammad bin Abi al-'Abbas Ahmad. (2017). *Nihayah al-Muhtaj 'ila sharh al-Minhaj*. Tahqiq: Sayyid bin Muhammad al-Sinari. Mesir: Dar al-Hadith.
- Rahimin Affandi Abdul Rahim & Mohd Anuar Ramli. (2007). Mazhab Syafi'i Dalam Pengajian Syariah di Malaysia: Satu Analisa. *Jurnal Fiqh*. Akademi Pengajian Islam, Univerisiti Malaya. Vol. 4, 39-76.
- Al-Sharbini, al-Khatib. (1994). *Al-Iqna' fi Hall Alfaz Abi Shuja'*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Syafi'i, Muhammad Bin Idris Abu Abdullah. (1990). *Al-Umm*. Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- Sha'rawi, Muhammad Mutawali. (2023), *Tafsir al-Shar'rawi*. Mesir: al-Rayah.
- Saqar, 'Atiyyah. (T.th). *Ahsan al-Kalam fi al-Fatawa wa al-Ahkam*. Kaherah: Dar al-Ghad al-'Arabi.
- Schnarch, D. M. (1997). *Passionate Marriage: Keeping Love and Intimacy Alive In Committed Relationships*. N.Y.: Norton.
- Sidi, H. (2020). *Pertemuan Antara Sains Asas Dan Perubatan: Seksualiti Manusia*. Selangor Darul Ehsan, Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Sidi, H, Nik Hussain, N.H., & Muhamad, R. (2022). *Penyakit Kehendak Seks Hipoaktif: Wanita Yang Hilang Nafsunya*. Selangor Darul Ehsan, Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Singh, D, (1993). *Adaptive Significance of Female Physical Attractiveness: Role of Waist-To-Hip Ratio*. *J Pers Soc Psychol*, 65, 293–307. <https://doi.org/10.1037/0022-3514.65.2.293>. Carian: 4/11/2025.
- Singh, D. (1994). *Waist-To-Hip Ratio and Judgment of Attractiveness and Healthiness of Female Figures by Male and Female Physicians*. *Int J Obes Relat Metab Disord*, 18, 731–737.
- Twenge, J. M., Haidt, J., Lozano, J., & Cummins, K. M. (2022). Specification curve analysis of social media use and adolescent mental health. *Journal of Adolescence*, 93, 112–128.
- Westerlund, M. (2019). The emergence of deepfake technology: A review. *Technology Innovation Management Review*, 9(11), 40-53. <https://doi.org/10.22215/timreview/1282>. Carian: 2/11/2025



- Whyte, S., Brooks, R. C., Chan, H. F., & Torgler, B. (2021). Sex differences in sexual attraction for aesthetics, resources and personality across age. *PloS one*, 16(5). <https://doi.org/10.1371/journal.pone.0250151>. Carian: 2/11/2025.
- Young, K. S. (2008). Online Infidelity in Internet Chat Rooms: An Ethnographic Exploration. *Computers in Human Behavior*, Vol. 23(1), 11-31. <https://doi.org/10.1371/journal.pone.0250151>. Carian: 4/11/2025.
- Zakariya al-Ansari. (2001). *Asna al-Matalib fi Syarh Raudh al-Talib*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Zaydan, 'Abd al-Karim. (1994). *Al-Mufassal Fi Al-Ahkam Al-Mar'ah Wa Al-Bayt Al-Muslim fi Al-Syari'ah Al-Islamiyyah*. Syria: Mu'asasah al-Risalah.
- Al-Zuhayli, Wahbah. (2018). *Al-Tafsir al-Munir fi al-'Aqidah wa al-Shari'ah wa al-Manhaj*. Damsyiq: Dar al-Fikr.
- Al-Zuhayli, Wahbah. (2020). *Al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh*. Cet. 3. Damsyiq: Dar al-Fikr.